

Sabah juara Memanah Tradisional Kebangsaan

Nazri Abu Bakar
sukan@hmetro.com.my



SEBAHAGIAN pemanah yang menyertai Kejohanan Memanah Tradisional Kebangsaan 2025 (KMTK2025). -FOTO Nazri Abu Bakar

Melaka: Sabah muncul juara keseluruhan Kejohanan Memanah Tradisional Kebangsaan 2025 (KMTK2025) di Kompleks Sukan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di sini baru- baru ini.

Kontinjen terbabit unggul selepas meraih empat emas dan masing-masing dua perak dan gangsa, sementara Terengganu muncul naib juara dengan empat emas diikuti tuan rumah Melaka ketiga mengumpul tiga emas, satu perak dan lapan gangsa.

Sabah cemerlang dalam kategori dewasa dan remaja, Terengganu pula unggul bagi kategori remaja lelaki dan perempuan.

Kejohanan membabitkan saingan menarik dalam kategori cilik (bawah 9 dan 12 tahun), remaja (bawah 15 dan 17 tahun) serta kategori dewasa lelaki dan wanita.

Presiden Persatuan Memanah Tradisional Malaysia (TAAM) Zainurin Osman berkata, Malaysia bakal menjadi tuan rumah bagi penganjuran Festival Memanah Tradisional Malaysia (MITAF) 2025 yang akan berlangsung di Damansara, Selangor pada 9 hingga 12 Oktober hadapan.

"MITAF dijangka akan menghimpunkan pemanah dari pelbagai negara dan menjadi platform penting dalam menjenamakan Malaysia sebagai hab memanah tradisional antarabangsa," katanya.

Disiarkan pada: Jun 14, 2025 @ 1:52pm